

Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

HTS3172

HTS3021



EN User manual

MS-MY Manual pengguna

ZH-TW 使用手冊

ZH-CN 用户手册

PHILIPS

Daftar kandungan

1	Penting	2
	Notis keselamatan penting	2
	Notis tanda dagangan	2
2	Home Theater System anda	4
	Sorotan ciri	4
	Gambaran keseluruhan produk	4
3	Sambungkan	7
	Letakkan Home Theater System	7
	Sambungkan kabel video	8
	Sambungkan pembesar suara dan subwuer	9
	Sambungkan antena radio	9
	Sambungkan kabel audio/peranti lain	10
	Sambungkan kord kuasa	11
4	Bermula	12
	Masukkan bateri kalawan jauh	12
	Cari saluran tontonan yang betul	13
	Pilih bahasa paparan menu	13
	Hidupkan Imbas Progresif	13
	Tukar tetapan pembesar suara	14
	Pilih sumber main	15
5	Main	16
	Mainkan cakera	16
	Mainkan video	16
	Mainkan muzik	20
	Mainkan foto	21
	Main dari peranti USB	22
	Main daripada pemain media mudah alih	23
	Mainkan dari radio	23
6	Laraskan bunyi	25
	Kawal kelantangan	25
	Pilih bunyi surround	25
	Pilih bunyi pratetap	25
	Laraskan tahap kelantangan mikrofon	26
	Tetapan karaoke	26
	Matikan suara (batalkan suara)	26
7	Laraskan tetapan	27
	Persediaan umum	27
	Persediaan audio	28
	Persediaan video	29
	Keutamaan	30
8	Maklumat Tambahan	33
	Kemas kinikan perisian	33
	Penjagaan	33
9	Spesifikasi	34
10	Menyelesaikan masalah	36
11	Glossary	38

1 Penting

Notis keselamatan penting



Amaran

- Risiko pemanasan melampau! Jangan pasang Home Theater System dalam ruang yang terhad. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling Home Theater System untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada Home Theater System tersebut.
- Jangan sekali-kali letakkan Home Theater System, kawalan jauh atau bateri berhampiran dengan api terbuka atau sumber haba yang lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Hanya gunakan Home Theater System ini di dalam bangunan. Jauhkan Home Theater System ini daripada air, kelembapan dan objek yang berisi cecair.
- Jangan letak Home Theater System ini di atas kelengkapan elektrik yang lain.
- Jauhkan diri anda daripada Home Theater System ini semasa ribut kilat.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Sinaran laser boleh nampak dan sinaran laser tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.

Notis hak cipta




Be responsible
Respect copyrights

Produk ini menggabungkan teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh tuntutan kaedah beberapa paten A.S. dan lain-lain hak harta intelektual yang dimiliki oleh Macrovision Corporation dan pemilik hak yang lain. Penggunaan teknologi perlindungan hak cipta ini mesti mendapat kebenaran daripada Macrovision Corporation, dan dimaksudkan untuk penggunaan tontonan di rumah dan lain-lain tempat yang terhad sahaja melainkan dibenarkan oleh Macrovision Corporation. Kejuruteraan terbalik atau membuka pemasangan adalah dilarang.

Mengenai Imbas Progresif

Pengguna harus mengambil perhatian bahawa tidak semua set televisyen definisi tinggi serasi sepenuhnya dengan produk ini dan boleh menyebabkan artifak dipaparkan dalam gambar. Bagi masalah gambar imbas progresif 525 atau 625, adalah disyorkan bahawa pengguna mengalihkan sambungan ke output 'definisi standard'. Sekiranya terdapat soalan berkenaan dengan keserasian set TV kami dengan pemain DVD model 525p dan 625p, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan kami.

Notis kitar semula



Kelengkapan elektronik ini mengandungi bilangan bahan yang banyak yang boleh dikitar semula atau digunakan semula jika dibuka oleh syarikat khusus. Jika anda melupuskan mesin lama, sila bawakannya ke pusat kitar semula. Sila amalkan peraturan tempatan mengenai pelupusan bahan pembungkusan, bateri tandus dan kelengkapan lama.

Notis tanda dagangan



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby, Pro Logic dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



DivX, DivX Ultra Certified, dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.
Produk DivX® Ultra Certified rasmi.
Memainkan semua versi video DivX® (termasuk DivX® 6) dengan main balik fail media DivX® dan DivX® Media Format yang dipertingkatkan.
Memainkan video DivX® dengan menu, sarikata dan trek audio.



Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. #: 5,451,942; 5,956,674; 5,974,380; 5,978,762; 6,487,535 & lain-lain paten A.S. dan seluruh dunia yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS dan DTS Digital Surround adalah tanda dagangan berdaftar dan logo serta Simbol DTS adalah tanda dagangan DTS, Inc. © 1996-2007 DTS, Inc. Semua Hak Terpelihara.
(DTS hanya berkenaan dengan model HTS3172)



Windows Media dan logo Windows adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.

Logo USB-IF adalah tanda dagangan Universal Serial Bus Implementers Forum, inc.



ENERGY STAR dan tanda ENERGY adalah tanda A.S. yang berdaftar..



2 Home Theater System anda

Tahniah ke atas pembelian anda, dan selamat datang ke Philips ! Untuk mendapat manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan produk anda di www.philips.com/welcome.

Sorotan ciri

Nikmati bunyi surround berbilang saluran yang kaya dan tidak mampat
Home Theater System ini menyokong 5.1 saluran audio tidak mampat yang mempersembahkan pengalaman bunyi betul-betul hidup seolah-olah anda mendengarnya secara langsung.

USB langsung dan pautan MP3

Pasang plag peranti USB anda ke dalam bicus USB untuk memainkan fail MP3/WMA/JPEG/DivX anda; atau plag masuk pemain media mudah alih anda kepada bicus MP3 LINK untuk menikmati muzik yang dimainkan dengan kualiti bunyi yang sangat istimewa.

Segerakkan output audio dengan mainan video

Segerakkan audio dan video dengan menundukkan output audio jika isyarat video yang dihantar kepada TV lebih perlahan daripada strim audio.

Muat Skrin

Lihat filem dalam paparan skrin penuh pada sebarang TV.

Fungsi pemarkahan Karaoke

Pemarkahan karaoke memberi markah dan komen untuk setiap persembahan. Dapatkan markah untuk persembahan nyanyian anda bagi karaoke yang lebih menyeronokkan di rumah!


Kod rantau

Anda boleh memainkan cakera dengan kod rantau berikut.

Kod rantau DVD	Negara
	Asia Pasifik, Taiwan, Korea
	Australia, New Zealand
	China

Gambaran keseluruhan produk

Unit utama



① Ⓛ (Bersedia-Hidup)

- Menghidupkan Home Theater System atau beralih ke mod siap sedia.

② Petak cakera

③ ▲ (Buka/Tutup)

- Membuka atau menutup petak cakera.

④ ►|| (Main/Jeda)

- Memulakan, menjeda atau menyambungkan semula mainan cakera.
- Dalam mod radio, menala stesen radio secara automatik pada persediaan kali pertama.

⑤ ■ (Berhenti)

- Menghentikan mainan cakera.
- Dalam mod radio, memadam stesen radio praset semasa.

⑥ SOURCE

- Memilih media untuk memainkan atau mendengar audio daripada peranti yang bersambung.

⑦ Panel paparan

⑧ VOLUME

- Meningkatkan atau mengurangkan kelantangan.

⑨ MP3 LINK

- Menyambungkan pemain audio mudah alih.
(MP3 LINK hanya berkenaan dengan model HTS3172)


⑩ MIC

- Menyambungkan mikrofon.

⑪ ↳ (USB)

- Menyambungkan peranti yang disokong USB.

Kawalan jauh



① Ⓛ (Bersedia-Hidup)

- Menghidupkan Home Theater System atau beralih ke mod siap sedia.

② ▲ (Buka/Tutup)

- Membuka atau menutup petak cakera.

③ Butang sumber

- AUDIO SOURCE:** Memilih sumber input audio.
- RADIO:** Beralih ke jalur FM.
- USB:** Beralih ke sumber USB.
- DISC:** Beralih ke sumber cakera.

- ④  SETUP**
- Mengakses atau keluar daripada menu persediaan.
- ⑤ ▲▼◀▶ (Butang navigasi)**
- Menavigasi melalui menu.
 - Tekan kiri dan kanan untuk carian ke belakang atau ke hadapan yang laju.
 - Dalam mod radio, tekan atas dan bawah untuk menala frekuensi radio.
 - Dalam mod radio, tekan kiri atau kanan untuk memulakan carian automatik.
- ⑥  INFO**
- Untuk cakera, memaparkan maklumat mengenai status semasa atau mengenai cakera.
 - Untuk pertunjukan slaid, memaparkan pameran imej kecil fail foto.
- ⑦ ►|| (Main/Jeda)**
- Memulakan, menjeda atau menyambungkan semula mainan cakera.
 - Dalam mod radio, menala stesen radio secara automatik pada persediaan kali pertama.
- ⑧ ■ (Berhenti)**
- Menghentikan mainan cakera.
 - Dalam mod radio, memadam stesen radio praset semasa.
- ⑨ SURR (Bunyi Surround)**
- Beralih ke bunyi surround yang disokong atau bunyi stereo.
- ⑩ AUDIO SYNC**
- Memilih bahasa audio atau saluran pada cakera.
 - Tekan dan tahan untuk mengakses tetapan untuk segerak audio, kemudian tekan **VOL +/-** untuk menetapkan masa tunda audio.
- ⑪ Butang angka**
- Memilih item untuk dimainkan.
- ⑫ SUBTITLE**
- Memilih bahasa sarikata pada cakera.
- ⑬ VOCAL**
- Menukar saluran audio cakera karaoke.
- ⑭ MIC (VOL +/-)**
- Meninggikan atau menurunkan kelantangan mikrofon.
- ⑮ REPEAT / PROGRAM**
- Memilih atau mematikan mod ulang atau kocok.
 - Dalam mod radio, menetapkan semula senarai stesen pratetap: tekan untuk menetapkan semula secara manual; tekan dan tahan untuk menetapkan semula secara automatik.
- ⑯ OK**
- Mengesahkan entri atau pilihan.
- ⑰ ↵ BACK**
- Kembali ke skrin sebelumnya.
 - Untuk DVD, pergi ke menu tajuk.
 - Bagi VCD versi 2.0 atau SVCD dengan PBC dihidupkan, kembali ke menu semasa main balik.
- ⑱ ◀/▶ (Sebelumnya/Seterusnya)**
- Melangkau ke tajuk, bab atau trek sebelum atau seterusnya.
- ⑲ ✖ (Bisu)**
- Membisukan atau mengembalikan output audio.
- ⑳ VOL +/-**
- Meningkatkan atau mengurangkan kelantangan.
- ㉑ SOUND**
- Memilih kesan bunyi pratentu.
- ㉒ ZOOM**
- Zum ke dalam atau keluar daripada gambar.
 - Memuatkan format gambar ke skrin TV.
- ㉓ KARAOKE**
- Mengakses atau keluar daripada menu karaoke.

3 Sambungkan

Buat sambungan berikut untuk menggunakan Home Theater System anda.

Sambungan asas:

- Video
- Pembesar suara dan subwufer
- Kuasa

Sambungan pilihan:


- Antena radio
- Audio
 - Audio daripada TV
 - Audio daripada kotak kabel/perakam/konsol permainan
- Peranti lain
 - Pemain media mudah alih
 - Peranti USB

Catatan

- Rujuk kepada plat jenis di belakang atau di bawah produk untuk pengenalpastian dan pengadaran bekalan.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah diputuskan sambungan daripada alur keluar kuasa.

Letakkan Home Theater System

- Letak Home Theater System di tempat ia tidak boleh ditolak, tertarik atau terjatuh. Jangan letak dalam kabinet yang tertutup.
- Pastikan anda mempunyai akses sepenuhnya kepada kord kuasa untuk memutuskan sambungan bekalan kuasa Home Theater System dengan mudah.



Set pembesar suara berlainan untuk HTS3021 dan HTS3172 (lihat 'Spesifikasi' > 'Pembesar suara').

- 1 Letak Home Theater System ini berhampiran TV.
- 2 Letakkan sistem pembesar suara pada tahap pendengaran yang biasa dan benar-benar selari dengan kawasan pendengaran.
- 3 Letak subwufer di sudut bilik atau sekurang-kurangnya 3 kaki daripada TV.



Petua

- Untuk mengelak daripada gangguan magnet atau bunyi yang tidak dikehendaki, jangan letak Home Theater System ini terlalu hampir dengan sebarang peranti penyinaran.

Sambungkan kabel video


Sambungkan Home Theater System ini kepada TV untuk melihat mainan cakera. Pilih sambungan video terbaik yang boleh disokong oleh TV.

- Pilihan 1: Sambungkan ke bincu VIDEO (bagi TV biasa).
- Pilihan 2: Sambungkan ke bincu video komponen (bagi TV biasa atau TV Imbas Progresif).

Catatan

- Anda mesti sambungkan Home Theater System ini kepada TV secara langsung.

Pilihan 1 : Sambungkan ke bincu Video (CVBS)




- 1 Sambungkan kabel video komposit ke bincu **VIDEO** pada Home Theater System ini dan bincu input VIDEO pada TV.

Catatan

- Bincu input video pada TV mungkin dilabelkan sebagai A/V IN, VIDEO IN, COMPOSITE atau BASEBAND.
- Sambungan jenis ini menyediakan kualiti gambar yang baik.

Pilihan 2: Sambungkan ke bincu video komponen




- 1 Sambungkan kabel video komponen (tidak dibekalkan) ke bincu **Y Pb Pr** pada Home Theater System ini dan bincu input VIDEO KOMPONEN pada TV.
 - Jika TV imbas progresif digunakan, anda boleh menghidupkan mod imbas progresif. (lihat 'Bermula' > 'Huapkam Imbas Progresif').


Catatan

- Bincu input video komponen pada TV mungkin dilabelkan sebagai Y Pb/Cb Pr/Cr atau YUV.
- Sambungan jenis ini menyediakan kualiti gambar yang baik.

Sambungkan pembesar suara dan subwoofer



Sambungkan antena radio



- 1 Sambungkan antena FM kepada bicus **FM75Ω** pada Home Theater System ini (untuk sesetengah model, kabel ini telah pun disambungkan).
- 2 Panjangkan antena FM dan pasang hujungnya pada dinding.



Petua

- Bagi penerimaan stereo FM yang lebih baik, sambungkan ke antena FM luaran.

- 1 Sambungkan pembesar suara dan subwoofer kepada bicus yang sepadan pada Home Theater System.


Catatan

- Pastikan warna plug dan bicus sepadan.

Sambungkan kabel audio/ peranti lain

Halakan audio daripada peranti lain ke Home Theater System ini untuk menikmati mainan audio dengan kemampuan surround berbilang saluran.

Sambungkan audio daripada TV




- 1 Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) ke biccu **AUDIO IN-AUX1** pada Home Theater System dan biccu output **AUDIO** pada TV.

Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'AUX 1' dipaparkan pada panel paparan.

Sambungkan audio dari kotak kabel/ perakam/konsol permainan




- 1 Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) ke biccu **AUDIO IN-AUX2** pada Home Theater System dan biccu output **AUDIO** pada peranti.

Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'AUX2' dipaparkan pada panel paparan.

Sambungkan pemain media mudah alih

(MP3 LINK hanya berkenaan dengan model HTS3172)



- 1 Sambungkan kabel audio stereo 3.5mm (tidak dibekalkan) ke biccu **MP3 LINK** pada Home Theater System ini dan biccu telefon pada pemain media mudah alih (seperti pemain MP3).

Catatan

- Untuk mendengar output audio daripada sambungan ini, tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'MP3 LINK' dipaparkan pada panel paparan.


Sambungkan kord kuasa

Amaran

- Risiko kerosakan produk! Pastikan voltan bekalan kuasa sepadan dengan voltan yang dicetak pada bahagian belakang atau bawah Home Theater System.

- 1 Sambungkan kord kuasa ke alur keluar kuasa apabila semua sambungan yang diperlukan telah selesai dibuat.
↳ Home Theater System sedia untuk disediakan untuk penggunaan.

Sambungkan peranti USB




- 1 Sambungkan peranti USB ke biccu -USB pada Home Theater System ini.

Catatan

- Home Theater System ini hanya boleh memainkan/mempamerkan fail MP3, WMA, DivX (Ultra) atau JPEG yang disimpan pada peranti sedemikian.
- Tekan **USB** untuk mengakses kandungan dan memainkan fail.

4 Bermula

Masukkan bateri kalawan jauh



- 1 Luncurkan penutup bateri keluar daripada belakang kawalan jauh.
- 2 Masukkan 2 bateri yang dibekalkan (AAA). Pastikan kutub + dan - bateri sepadan dengan tanda di bahagian dalam kes.
- 3 Luncurkan penutup kembali pada kedudukannya.




Catatan

- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Keluarkan bateri jika telah tandus atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, ia harus dilupuskan dengan betul.

Kawal sumber main

- 1 Tekan **RADIO**, **USB** atau butang **DISC** untuk memilih sumber yang anda hendak kawal.
- 2 Pilih fungsi yang dikehendaki (sebagai contoh **◀**, **▶**).

Navigasi melalui menu



- 1 Halakan kawalan jauh langsung pada sensor jauh pada Home Theater System dan pilih fungsi yang dikehendaki.
- 2 Gunakan butang berikut pada kawalan jauh untuk menavigasi melalui menu pada skrin.

Butang	Tindakan
▲▼	Gerak ke atas atau bawah
◀▶	Gerak ke kiri atau kanan
OK	Sahkan pemilihan
1 2 3 4 5 6 7 8 9 0	Masukkan nombor

Cari saluran tontonan yang betul

- 1 Tekan  untuk menghidupkan Home Theater System.
- 2 Tekan **DISC** untuk beralih ke mod cakera.
- 3 Hidupkan TV dan beralih ke saluran video-masuk yang betul melalui satu daripada cara berikut:
 - Pergi ke saluran paling rendah pada TV anda, kemudian tekan butang Saluran ke Bawah sehingga anda melihat skrin Philips.
 - Tekan butang  **SOURCE** berulang kali pada kawalan jauh TV anda.



Petua

- Saluran video-masuk berada antara saluran paling rendah dan paling tinggi dan mungkin disebut FRONT, A/V IN, VIDEO, HDMI dll. Lihat manual pengguna TV dalam bahagian cara memilih input yang betul pada TV.

- 4 Tekan  untuk memilih [**Bahasa Osd**] dalam menu, kemudian tekan 
 - Pilihan bahasa adalah berlainan bergantung pada negara atau rantaunya anda. Ia mungkin tidak sepadan dengan rajah yang ditunjukkan di sini.

- 5 Tekan  untuk memilih bahasa, kemudian tekan **OK**.



Petua

- Anda boleh menetapkan bahasa lajai untuk menu cakera DVD (lihat 'Laraskan tetapan' > 'Keutamaan' > [**Menu Cakera**]).

Pilih bahasa paparan menu

Tetapan Umum	
Kunci Cakera	English
Kelam Paparan	中文
Bahasa Osd	繁體中文
Penjimat Skrin	Melayu
Pemasra Tidur	Русский
Kod Vod DivX(R)	ไทย

- 1 Tekan **DISC**.
- 2 Tekan  **SETUP**.
↳ [**Tetapan Umum**] dipaparkan.
- 3 Tekan .

Tetapan Video

Sistem TV	Hidup
Paparan TV	Tutup
Progresif	
Seting gambar	

- 1 Hidupkan TV dan pastikan mod imbas progresif TV dinyahaktifkan (lihat manual pengguna TV).
- 2 Hidupkan TV pada saluran tontonan yang betul bagi Home Theater System ini..
- 3 Tekan **DISC**.
- 4 Tekan  **SETUP**.
- 5 Tekan  untuk memilih [**Tetapan Video**] dalam menu, kemudian tekan .

- 6 Pilih [Progresif] > [Dihidupkan], kemudian tekan **OK**.
↳ Mesej amaran dipaparkan.
- 7 Untuk meneruskan, pilih **[Ok]** dan tekan **OK**.
↳ Persediaan progresif telah selesai.

Catatan

- Jika skrin kosong/herot benyot dipaparkan, tunggu 15 saat bagi pemulihan automatik.
- Jika tiada gambar dipaparkan, matikan mod imbas progresif sebagai berikut: 1) Tekan **▲** untuk membuka petak cakra. 2) Tekan **◀**. 3) Tekan **AUDIO SYNC**.

- 8 Tekan  **SETUP** untuk keluar daripada menu.
- 9 Anda kini boleh menghidupkan mod imbas progresif pada TV.

Catatan

- Semasa dimainkan, apabila mod imbas progresif dihidupkan untuk kedua-dua Home Theater System ini dan TV, gambar herot benyot mungkin dipaparkan. Matikan ciri imbas progresif pada kedua-dua Home Theater System ini dan TV.

Tukar tetapan pembesar suara

Sebaik-baiknya jarak antara kedudukan pendengaran dan semua pembesar suara hendaklah sama. Jika tidak, tukar tetapan pembesar suara berdasarkan pada jaraknya daripada kedudukan pendengaran untuk mendapatkan bunyi surround yang terbaik mungkin.

Tetapan Audio

Volum Speaker	
Lengah Speaker	
Mod Malam	

- 1 Tekan **DISC**.
- 2 Tekan  **SETUP**.
- 3 Tekan **▼** untuk memilih **[Tetapan Audio]** dalam menu, kemudian tekan **▶**.
 - Jika pilihan persediaan pembesar suara tidak dapat diakses, tekan **■** dua kali sebelum anda cuba langkah-langkah di atas sekali lagi.

Untuk melaraskan tahap pembesar suara

- 1 Pilih **[Volum Speaker]** dalam menu dan tekan **▶**.


Tetapan Volum Speaker

Depan Kiri		0dB
Depan Kanan		0dB
Tengah		0dB
Subwoofer		0dB
Belakang Kiri		0dB
Belakang Kanan		0dB

- 2** Tekan **◀▶** untuk menukar tahap kelantangan, kemudian tekan **OK**.
- Nada ujian dipancarkan daripada pembesar suara.
 - Ulang tetapan di atas untuk pembesar suara yang lain sehingga tahap output semua pembesar suara seimbang bunyinya.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **□ SETUP**.

Untuk menetapkan masa tunda output (pembesar suara tengah dan belakang sahaja)

- 1** Pilih [Lengah Speaker] dalam menu dan tekan **▶**.




- 2** Tekan **◀▶** untuk menetapkan masa tunda, kemudian tekan **OK**.
- Ulang tetapan di atas untuk pembesar suara lain sehingga output bunyi daripada pembesar suara lain tiba ke kedudukan pendengaran pada masa yang sama.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **□ SETUP**.

Petua

- Tetapkan masa tunda yang lebih lama sekiranya pembesar suara tengah atau belakang lebih hampir kepada kedudukan pendengaran daripada pembesar suara hadapan.
- Peruntukan tetapan 1ms bagi jarak setiap 1 kaki antara pembesar suara dengan kedudukan pendengaran.


Pilih sumber main

Pada unit utama



- Tekan butang **SOURCE** berulang kali untuk memilih: **DISC > USB > FM > AUX 1 > AUX 2 > MP3 LINK > DISC ...**

Pada kawalan jauh



- Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk beralih ke sumber audio yang bersambung.

Paparan	Peranti bersambung ke
AUX 1	bicu AUDIO IN-AUX 1
AUX 2	bicu AUDIO IN-AUX 2
MP3 LINK	bicu MP3 LINK

- Tekan **RADIO** untuk beralih ke jalur FM.
- Tekan **USB** untuk beralih ke mod USB.
- Tekan **DISC** untuk beralih ke mod cakera.

(MP3 LINK hanya berkenaan dengan model HTS3172)

5 Main

Mainkan cakera



Awas

- Jangan letakkan objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan sentuh kanta optikal cakera di dalam petak cakera.

- 1 Tekan ▲ untuk membuka petak cakera.
- 2 Masukkan cakera dengan labelnya menghadap ke atas.
 - Bagi cakera yang bermuka dua, muatkan muka yang hendak dimainkan menghadap ke atas.
- 3 Tekan ▲ untuk menutup petak cakera dan memulakan mainan cakera.
 - Untuk melihat mainan cakera, hidupkan TV kepada saluran tontonan yang betul bagi Home Theater System ini.
 - Untuk menghentikan mainan cakera, tekan ■.



Catatan

- Periksa jenis cakera yang disokong (lihat 'Spesifikasi' > 'Media main balik').
- Jika menu entri kata laluan dipaparkan, masukkan kata laluan sebelum anda boleh memainkan cakera yang terkunci atau yang disekat.
- Jika anda menjeda atau menghentikan cakera selama lebih kurang 15 minit, gambar skrin diaktifkan. Untuk menyahaktifkan gambar skrin, tekan DISC.
- Setelah anda menjeda atau menghentikan cakera dan tiada butang ditekan dalam masa 30 minit, Home Theater System ini akan beralih ke mod siap sedia secara automatik.

Mainkan video



Catatan

- Untuk cakera video, main balik sentiasa bermula dari tempat ia terakhir dihentikan. Untuk memulakan main balik dari awal, tekan ▶ semasa mesej dipaparkan.

Kawal mainan video

- 1 Mainkan tajuk.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal tajuk.

Butang	Tindakan
▶■	Memulakan, menjeda atau menyambungkan semula mainan cakera.
■	Menghentikan mainan cakera.
▶	Melangkau ke tajuk atau bab seterusnya.
◀	Melangkau ke permulaan tajuk atau bab semasa. Tekan dua kali untuk melompat ke tajuk atau bab sebelumnya.
◀◀ / ▶▶	Mencari mara cepat (kanan) atau putar semula cepat (kiri). Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. Dalam mod jeda, main undur atau maju perlahan.
▲ / ▼	Mencari mara perlahan (bawah) atau putar semula perlahan (atas). Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. Untuk VCD, hanya main maju perlahan boleh dilakukan.

Tukar mainan video

- 1 Mainkan tajuk.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk menukar mainan video.


Butang	Tindakan
AUDIO	Memilih bahasa audio atau
SYNC	saluran pada cakera.
SUBTITLE	Memilih bahasa sarikata pada cakera.
REPEAT	Memilih atau mematikan mod ulang atau kocok. Pilihan ulangan berbeza bergantung kepada jenis cakera. Untuk VCD, main berulang hanya boleh dibuat jika mod PBC dimatikan.
ZOOM	Zum ke dalam atau keluar daripada gambar. Untuk menyorot melalui imej yang telah dizum, tekan Butang navigasi .
INFO	Mapaparkan status semasa atau maklumat cakera. Anda boleh menukar pilihan mainan video di sini tanpa mengganggu mainan cakera.



Catatan

- Sesetengah operasi mungkin tidak berfungsi dengan sesetengah cakera. Lihat maklumat yang dibekalkan bersama cakera untuk mendapatkan butiran.

Akses menu DVD



- 1 Tekan **DISC** untuk emngakses menu utama cakera.
- 2 Pilih pilihan mainan, kemudian tekan **OK**.
 - Dalam sesetengah menu, tekan **Butang angka** untuk menginputkan pemilihan anda.
 - Untuk kembali ke menu tajuk semasa mainan, tekan ↲ **BACK**.

Akses menu VCD atau menu pratonton

PBC (Kawalan Main Balik) untuk VCD dihidupkan secara lalai di kilang. Apabila anda memuatkan VCD, menu kandungan dipaparkan.

- 1 Tekan ▲▼ untuk memilih pilihan mainan, kemudian tekan **OK** untuk memulakan mainan.
 - Jika PBC mati, ia melangkau menu dan mula bermain dari tajuk pertama.
 - Untuk kembali ke menu semasa dimainkan, tekan ↲ **BACK** (hanya boleh dilakukan jika mod PBC dihidupkan).
- 2 Tekan **DISC** untuk mempratonton kandungan cakera.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **DISC**.

Pilih Jenis Digest:

Trek Digest

Jeda Cakera

Trek Cakera

- 3** Pilih pilihan mainan pratonton, kemudian tekan **OK**

[Trek Digest]

Memainkan beberapa saat permulaan bagi setiap trek pada cakera.

[Jeda Cakera]

Membahagikan jumlah masa cakera dengan enam dan memainkan beberapa saat permulaan bagi selang masa ini.

[Trek Cakera]

Membahagikan trek semasa dengan enam dan memainkan beberapa saat permulaan bagi selang masa ini.

Pilihan ini tidak tersedia dalam mod berhenti.




Petua

- Anda boleh menukar tetapan PBC (lihat 'Laraskan tetapan' > 'Keutamaan' > [PBC]).

Segerakkan output audio dengan mainan video

Jika mainan video lebih perlakan daripada output audio (bunyi tidak sepadan dengan gambar), anda boleh menundakan output audio supaya sepadan dengan video.




- Tekan dan tahan **AUDIO SYNC** sehingga 'AUDIO SYNC XXX' dipaparkan. 'XXX' menandakan masa tunda.
- Dalam masa lima saat, tekan **VOL +/-** untuk menetapkan masa tunda untuk output audio.



Catatan

- Jika kawalan kelantangan tidak digunakan dalam masa 5 saat, fungsi kawalan kelantangan biasa disambungkan semula.

Langkau pantas mainan ke masa tertentu



- Semasa mainan, tekan **INFO**.
↳ Menu status cakera dipaparkan.
- Tekan **▲▼** untuk melihat maklumat, kemudian tekan **OK**.
 - [Masa Tt] (masa tajuk)
 - [Masa Ch] (masa bab)
 - [Masa Cakera] (masa cakera)
 - [Masa Trek] (masa trek)
- Tekan **Butang angka** untuk memasukkan masa anda hendak melangkau ke, kemudian tekan **OK**.



Catatan

- Pilihan berbeza bergantung kepada jenis cakera.

Ulang main bahagian tertentu

- 1 Semasa main balik, tekan **INFO**.
↳ Menu status cakera dipaparkan.
- 2 Pilih **[Ulang]** dalam menu dan tekan **►**.
- 3 Pindah ke **[Ulang ab]** dalam menu, kemudian tekan **OK** untuk menetapkan titik permulaan.
- 4 Tekan **OK** sekali lagi untuk menetapkan titik penghujung.
↳ Mainan ulangan bermula.
- 5 Untuk membatalkan mainan ulangan, pilih **[Dimatikan]** dan tekan **OK**.



Catatan

- Bahagian yang bertanda untuk mainan ulangan hanya boleh dilakukan di dalam trek/tajuk.

Lihat mainan video daripada sudut kamera yang berlainan

- 1 Semasa mainan, tekan **INFO**.
↳ Menu status cakera dipaparkan.
- 2 Pilih **[Sudut]**, kemudian tekan **►**.
- 3 Tekan **Butang angka** untuk memilih sudut, kemudian tekan **OK**.
↳ Mainkan perubahan kepada sudut yang dipilih.



Catatan

- Diguna pakai hanya pada cakera yang mengandungi pemandangan berbilang sudut.

Mainkan video DivX®

Video DivX adalah format media digital yang mengekalkan kualiti yang tinggi walaupun pada kadar pemampatan yang tinggi. Anda boleh menikmati video DivX pada Home Theater System disahkan DivX® ini.

- 1 Masukkan cakera atau USB yang mengandungi video DivX.
- 2 Tekan **DISC** atau **USB**.
↳ Menu kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih tajuk untuk dimainkan, kemudian tekan **►||**.
- 4 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal tajuk.

Butang	Tindakan
AUDIO	Memilih bahasa atau saluran audio.
SUBTITLE	Pilih bahasa sarikata DVD atau DivX.
■	Menghentikan mainan. Untuk video DivX Ultra, tekan butang ini sekali lagi untuk memaparkan menu kandungan.
INFO	Paparkan maklumat video DivX Ultra.


Catatan

- Anda hanya boleh memainkan video DivX disewa atau dibeli yang mempunyai kod pendaftaran DivX Home Theater System ini (lihat 'Laraskan tetapan' > 'Persediaan umum' > **[Kod Vod DivX(R)]**).
- Anda boleh memainkan fail video DivX sehingga 4GB.
- Jika sarikata tidak muncul dengan betul, tukar set aksara (lihat 'Laraskan tetapan' > 'Keutamaan' > **[Sarikata DivX]**).
- Home Theater System ini boleh memaparkan sehingga 45 aksara dalam sarikata.

Mainkan muzik

Kawal mainan trek audio

- 1 Mainkan trek.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal trek.

Butang	Tindakan
▶	Memulakan, menjeda atau menyambungkan semula mainan cakera.
■	Menghentikan mainan cakera.
▶	Melangkau ke trek seterusnya.
◀	Melangkau ke permulaan trek semasa. Tekan dua kali untuk melompat ke trek sebelumnya.
	Memilih item untuk dimainkan.
◀◀ / ▶▶	Mencari mara cepat (kanan) atau putar semula cepat (kiri). Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
REPEAT	Memilih atau mematikan mod ulang atau kocok.

Mainkan muzik MP3/WMA

MP3/WMA adalah sejenis fail audio yang sangat dimampatkan (fail dengan lanjutan .mp3 atau .wma).

- 1 Masukkan cakera atau USB yang mengandungi muzik MP3/WMA.
- 2 Tekan **DISC** atau **USB**.
↳ Menu kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih folder, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih tajuk untuk dimainkan, kemudian tekan **▶||**.
 - Untuk kembali ke menu utama, tekan ↳ BACK atau tekan ▲ sehingga folder 'Sebelumnya' dipilih, kemudian tekan **OK**.



Catatan

- Bagi CD yang dirakam dalam berbilang sesi, hanya sesi pertama dimainkan.
- Home Theater System ini tidak menyokong format audio MP3PRO.
- Jika sebarang aksara khas terdapat di dalam nama trek MP3 (ID3) atau nama album, ia mungkin tidak dipaparkan dengan betul pada skrin kerana aksara ini tidak disokong.
- Sesetengah WMA dilindungi oleh Pengurusan Hak Digital, dan tidak boleh dimainkan pada Home Theater System ini.
- Folder/fail yang melebihi had Home Theater System ini yang disokong tidak dipaparkan atau dimainkan.



Petua


- Anda boleh memilih paparan kandungan data, melihat folder atau fail (lihat 'Laraskan tetapan' > 'Keutamaan' > [Paparan MP3/JPEG]).

Mainkan foto

Mainkan foto sebagai pertunjukan slaid

Home Theater System ini boleh memainkan foto JPEG (fail dengan lanjutan .jpeg atau .jpg).

- 1** Masukkan cakera atau USB yang mengandungi foto JPEG.
- 2** Tekan **DISC** atau **USB**.
 - ↳ Pertunjukan slaid bermula (untuk cakera Kodak) atau menu kandungan (untuk cakera JPEG) dipaparkan.
- 3** Pilih folder/album yang anda hendak mainkan.
 - Untuk mempratonton foto dalam folder/album, tekan **INFO**.



- Untuk pergi ke paparan skrin sebelumnya atau seterusnya, tekan **◀** / **▶**.
- Untuk memilih foto, tekan **Butang navigasi**.
- Untuk memaparkan foto yang dipilih sahaja, tekan **OK**.
- 4** Tekan **▶■** untuk memulakan mainan pertunjukan slaid.
 - Untuk kembali ke menu, tekan **◀ BACK**.



Catatan

- Ia mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk memaparkan kandungan cakera pada TV disebabkan bilangan lagu/foto yang besar yang dikumpulkan pada satu cakera.
- Jika foto JPEG tidak dirakam dengan fail jenis 'exif', gambar imej kecil sebenar tidak akan ditunjukkan pada paparan. Ia digantikan dengan gambar imej kecil 'gunung biru'.
- Home Theater System ini hanya boleh memaparkan gambar kamera digital menurut format JPEG-EXIF, yang biasa digunakan oleh hampir semua kamera digital. Ia tidak boleh memaparkan Motion JPEG dan gambar dalam format selain daripada JPEG, atau klip bunyi yang dikaitkan dengan gambar.
- Folder/fail yang melebihi had Home Theater System ini yang disokong tidak dipaparkan atau dimainkan.

Kawal mainan foto

- 1** Mainkan pertunjukan slaid foto.
- 2** Gunakan kawalan jauh untuk mengawal foto.

Butang	Tindakan
◀	Melangkau ke foto sebelumnya.
▶	Melangkau ke foto seterusnya.
▲	Memutarkan foto mengikut arah jam.
▼	Memutarkan foto melawan arah jam.
ZOOM	Zum ke dalam atau keluar daripada gambar. Mainan dijeda dalam mod zum.
■	Menghentikan mainan.

Mainkan pertunjukan slaid muzikal

Mainkan fail muzik MP3/WMA dan fail foto JPEG serentak untuk mencipta pertunjukan slaid muzikal. Fail MP3/WMA dan JPEG mesti disimpan pada cakera atau peranti USB yang sama.

1 Mainkan muzik MP3/WMA


2 Navigasi ke folder/album foto dan tekan **OK** untuk memulakan mainan pertunjukan slaid.

- ↳ Pertunjukan slaid bermula dan berterusan sehingga akhir folder atau album foto.
- ↳ Audio terus bermain sehingga akhir cakera.
- Untuk menghentikan mainan pertunjukan slaid, tekan **■**.
- Untuk menghentikan mainan muzik, tekan **■** sekali lagi.

Main dari peranti USB

Home Theater System ini memainkan/melihat fail MP3,WMA, DivX (Ultra) atau JPEG pada peranti USB yang berikut:

- pemacu denyar
- pembaca kad memori
- HDD (sumber kuasa luaran diperlukan)



- 1 Sambungkan peranti penyimpanan USB ke bicu (USB).
- 2 Tekan **USB**.
 - ↳ Menu kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih fail untuk dimainkan, kemudian tekan **▶II**.
 - ↳ Mainan bermula.
- 4 Untuk menghentikan mainan, tekan **■** atau keluarkan peranti USB.




Catatan

- Jika peranti tidak muat ke dalam bicu USB , sambungkannya melalui kabel panjang USB.
- Jika anda menyambungkan berbilang pembaca kad/peranti USB, hanya satu kad/peranti boleh diakses.
- Kamera digital yang memerlukan perisian PC atau menggunakan protokol PTP tidak disokong.

Main daripada pemain media mudah alih

Hanya sambungkan pemain media mudah alih anda (cth. pemain MP3) ke Home Theater System ini untuk menikmati kualiti bunyi yang sangat istimewa daripada koleksi muzik anda. (MP3 LINK hanya berkenaan dengan model HTS3172)



- 1 Sambungkan kabel audio stereo 3.5mm (tidak dibekalkan) daripada bicus **MP3 LINK** pada Home Theater System ini ke bicus 'fon kepala' pada pemain media mudah alih.
- 2 Tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali sehingga 'MP3 LINK' dipaparkan.
- 3 Mulakan mainan pada pemain media mudah alih anda.
 - Untuk menghentikan mainan, tekan **STOP** pada pemain media mudah alih anda.




Catatan

- Kawalan main balik hanya boleh dibuat pada pemain media mudah alih.
- Hentikan mainan pada pemain media mudah alih sebelum anda beralih ke media/sumber main yang lain.

Mainkan dari radio

Periksa sama ada antena FM telah disambungkan ke Home Theater System ini. Jika tidak, sambungkan antena FM yang dibekalkan kepada bicus **FM75 Ω** dan pasangkan hujungnya pada dinding.



Petua

- Bagi penerimaan stereo FM yang lebih baik, sambungkan antena FM luaran (tidak dibekalkan).
- Letakkan antena sejahtera mungkin daripada TV, VCR atau lain-lain sumber penyinaran untuk mengelakkan gangguan.

Penalaan kali pertama

Apabila anda mengakses mod radio buat pertama kali, ikut arahan untuk memasang stesen radio.

- 1 Tekan **RADIO**.
↳ 'PASANGAUTO ...TEKAN MAIN' dipaparkan.
- 2 Tekan **▶ II**.
↳ Semua stesen radio yang dikesan disimpan.
↳ Sebaik sahaja selesai, ia menala ke stesen radio pertama yang dipratetapkan.
 - Untuk menghentikan penalaan automatik, tekan ■.



Catatan

- Home Theater System ini boleh menyimpan sehingga maksimum 40 stesen radio.
- Jika pemasangan auto tidak diaktifkan atau kurang daripada 5 stesen radio disimpan, anda akan digesa untuk memasang stesen radio sekali lagi.

Dengar radio

- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Gunakan kawalan jauh untuk mengawal radio.

Butang	Tindakan
◀▶	Memilih stesen radio pratetap.
▲▼	Menala frekuensi radio ke atas dan bawah.
■	Tekan dan tahan butang ini untuk memadam stesen radio semasa daripada senarai yang dipratetapkan. Nombor pratetap untuk stesen radio yang lain tetap tidak berubah.

Pasang semula semua stesen radio

- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Tekan dan tahan **PROGRAM** selama lebih daripada 5 saat.
 - ↳ Semua stesen radio yang disimpan sebelum ini digantikan.



Catatan

- Periksa sambungan antena radio jika tiada isyarat stereo dikesan atau kurang daripada 5 stesen dikesan semasa pemasangan radio.

Cari dan simpan stesen radio secara individu

- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Tekan **◀▶**.
 - ↳ Ia mula mencari sehingga stesen radio dikesan.
- 3 Ulang langkah 2 sehingga anda menala ke stesen radio yang anda hendak simpan.
 - Untuk menala halus frekuensi radio, tekan **▲** / **▼**.
- 4 Tekan **PROGRAM**.
 - ↳ Nombor stesen yang dipratetap berkelip.
 - ↳ Jika tiada tindakan dijalankan dalam masa 20 saat setelah langkah di atas, ia keluar daripada mod pratetap.
- 5 Tekan **◀▶** (atau **Butang angka**) untuk memilih nombor pratetap untuk disimpan.
- 6 Tekan **PROGRAM** untuk mengesahkan.

Tukar grid talaan

Di beberapa negara, selang frekuensi antara saluran bersebelahan dalam jalur FM ialah 50 kHz atau 100 kHz.



Catatan

- Ciri ini hanya digunakan untuk daerah yang tertentu.
- Menukar grid talaan memadamkan semua stesen radio pratetap.


- 1 Tekan **RADIO**.
- 2 Tekan **■**.
- 3 Tekan dan tahan **▶▶** sehingga 'GRID 9' atau 'GRID 10' dipaparkan.
 - ↳ 'GRID 9' untuk 50 kHz dan 'GRID 10' untuk 100 kHz.

6 Laraskan bunyi

Kawal kelantangan

- 1 Tekan **VOL +/-** untuk menaikkan atau mengurangkan kelantangan.
- Untuk membisukan, tekan *****.
 - Untuk memilih kelantangan, tekan ***** sekali lagi atau tekan **VOL +**.


Pilih bunyi surround



- 1 Tekan **SURR** berulang kali untuk memilih output surround yang terbaik yang tersedia pada cakera.

Opsi	Perihalan
STEREO 5 CH	Meningkatkan output saluran stereo dengan menggandakan output bunyi ke pembesar suara tengah dan belakang. Sempurna untuk muzik parti.
BERBILANG- CHANNEL/ DPLII	Output surround berbilang saluran: DTS (Sistem Teater Digital), Dolby Digital, dan Dolby Pro Logic II.
STEREO	Bunyi stereo daripada dua pembesar suara hadapan.


Pilih bunyi pratetap



- 1 Tekan **SOUND** berulang kali untuk memilih kesan bunyi yang paling sesuai dengan video atau muzik yang anda mainkan.

Video/Muzik	Perihalan
ACTION / ROCK	Mempertingkatkan julat rendah dan tinggi untuk kesan bunyi filem dan suasana yang terbaik. Baik untuk filem aksi dan muzik rock/pop.
CONCERT/ CLASSIC	Mod bunyi rata dan tulen. Sempurna untuk mendengar muzik klasik dan menonton cakera konsert secara langsung.
DRAMA / JAZZ	Julat sederhana dan tinggi yang jelas. Mencipta kembali suasana kelab secara langsung dengan artis betul-betul di depan mata anda. Baik untuk muzik jaz dan menonton drama.
SPORTS	Kesan julat sederhana dan kesan sekeliling untuk vokal yang jelas dan suasana venua sukan secara langsung. Ia juga sempurna untuk permainan gem video.
NIGHT	Mod bunyi dikawal secara dinamik sesuai untuk menonton filem pada waktu malam atau bagi muzik latar yang tidak mengganggu.

Laraskan tahap kelantangan mikrofon



- 1 Sambungkan mikrofon (tidak dibekalkan) ke bincu **MIC** pada Home Theater System ini.
- 2 Hidupkan output mikrofon. (lihat 'tetapan Karaoke').
- 3 Tekan **MIC (VOL +/-)** untuk melaraskan kelantangan mikrofon.
↳ 'LEVEL XX' dipaparkan.
 - Nyanyi atau cakap melalui mikrofon untuk mencari tahap kelantangan yang andakehendaki.

Tetapan karaoke



- 1 Hidupkan TV ke saluran tontonan yang betul bagi Home Theater System ini.
- 2 Tekan **KARAOKE**.
↳ **[Halaman Persediaan Karaoke]** dipaparkan.
- 3 Buat pilihan dan tukar tetapan, kemudian tekan **OK**.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **KARAOKE**.

[Mic]

Hidup atau matikan output mikrofon.

- **[Dihidupkan]** – Menghidupkan mikrofon.
- **[Dimatikan]** – Mematikan mikrofon.

[Paras Gema]

Tekan **▲▼** untuk menetapkan tahap gema.

[Nada]

Tekan **▲▼** untuk menetapkan tahap nada yang sepadan dengan suara anda.

[Kedudukan]

Memilih tahap skor pengadaran karaoke.

- **[Dimatikan]** – Paparan pengadaran tiada skor.
- **[Asas]** – Pengadaran asas.
- **[Pertengahan]** – Pengadaran pertengahan.
- **[Lanjut]** – Pengadaran lanjut.

Matikan suara (batalkan suara)

- 1 Tekan **VOCAL** berulang kali sehingga 'BATALKANSUARA' dipaparkan.



- Anda tidak boleh membatalkan output suara daripada MP3 atau audio WMA.

7 Laraskan tetapan

Anda boleh menyesuaikan pelbagai jenis tetapan sebagaimana yang anda gemari. Rujuk kepada arahan berikut untuk menavigasi melalui menu persediaan.

Simbol	Pilihan
	[Tetapan Umum]
	[Tetapan Audio]
	[Tetapan Video]
	[Keutamaan]
	Catatan

• Jika pilihan persediaan dikelabukan, ia bermakna tetapan tidak boleh ditukar pada keadaan semasa.

Persediaan umum

Tetapan Umum

Kunci Cakera
Kelam Paparan
Bahasa Osd
Penjimat Skrin
Pemasar Tidur
Kod Vod DivX(R)

- 1 Tekan **SETUP**.
↳ [Tetapan Umum] dipaparkan.
- 2 Tekan .
- 3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.
 - Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **BACK**.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **SETUP**.



Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Kunci Cakera]

Tetapkan sekat mainan untuk cakera tertentu. Sebelum anda bermula, letakkan cakera ke dalam petak cakera (40 cakera maksimum boleh dikunci).

- [Kunci Cakera]** – Menyekat akses kepada cakera semasa. Sebaik sahaja diaktifkan, kata laluan diperlukan untuk membuka kunci dan memainkan cakera.
- [Buka Kunci]** – Memainkan semua cakera.



Petua

- Anda boleh menetapkan atau menukar kata laluan (lihat 'Laraskan ketetapan' > 'Keutamaan' > [Kata Laluan]).

[Kelman Paparan]

Menukar tahap kecerahan panel paparan pada Home Theater System ini.

- **[100%]** – Kecerahan biasa.
- **[70%]** – Kecerahan sederhana.
- **[40%]** – Paparan paling suram.

[Bahasa Osd]

Pilih bahasa lalai bagi menu pada skrin.

[Penjimat Skrin]

Mati atau hidupkan mod gambar skrin. Ia membantu melindungi skrin TV daripada mengalami kerosakan disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada imej statik buat tempoh masa yang terlalu lama.

- **[Dihidupkan]** – Menetapkan gambar skrin supaya muncul setelah 15 minit tiada aktiviti (contohnya, dalam mod jeda atau berhenti).
- **[Dimatikan]** – Menyahdayakan mod gambar skrin.

[Pemasa Tidur]

Beralih ke siap sedia secara automatik setelah masa pratetap.

- **[15 Min], [30 Min], [45 Min], [60 Min]**
 - Memilih tempoh mengira detik sebelum Home Theater System beralih ke siap sedia.
- **[Dimatikan]** – Menyahdayakan mod pemasa tidur.

[Kod Vod DivX(R)]

Memaparkan kod pendaftaran DivX®.



Petua

- Masukkan kod pendaftaran DivX Home Theater System ini apabila anda menyewa atau membeli video daripada www.divx.com/vod. Video DivX yang disewa atau dibeli melalui perkhidmatan DivX® VOD (Video Atas Permintaan) boleh dimainkan hanya pada peranti yang diaftarkan.

Persediaan audio

Tetapan Audio

Volum Speaker	
Lengah Speaker	
Mod Malam	

1 Tekan **SETUP**.

↳ **[Tetapan Umum]** dipaparkan.

2 Tekan untuk memilih **[Tetapan Audio]**, kemudian tekan .

3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.

4 Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.

- Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **BACK**.
- Untuk keluar daripada menu, tekan **SETUP**.

Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Volum Speaker]

Menetapkan tahap kelantangan bagi setiap pembesar suara untuk mendapatkan imbalan audio yang sempurna.

1) Untuk mula, tekan **OK**.

2) Pilih pembesar suara dalam menu, kemudian tekan untuk melaraskan tahap kelantangan.

3) Tekan **OK** untuk mengesahkan dan keluar.

Catatan

- Nada ujian dipancarkan daripada pembesar suara yang anda laraskan.

[Lengah Speaker]

Menetapkan masa tunda bagi pembesar suara tengah dan belakang sekiranya ia diletakkan lebih dekat dengan kedudukan pendengaran, supaya output bunyi daripada semua pembesar suara tiba ke kedudukan pendengaran pada masa yang sama.

- 1) Untuk mula, tekan **OK**.
- 2) Pilih pembesar suara dalam menu, kemudian tekan untuk menetapkan masa tunda.
- 3) Tekan **OK** untuk mengesahkan dan keluar.

Catatan

- Peruntukan tetapan 1ms bagi jarak setiap 1 kaki antara pembesar suara dengan kedudukan pendengaran.

[Mod Malam]

Menjadikan paras bunyi yang kuat lebih perlahan dan paras bunyi yang perlahan lebih kuat supaya anda dapat menonton filem DVD pada kelantangan yang rendah, tanpa mengganggu orang lain.

- **[Dihidupkan]** – Menikmati tontonan senyap pada waktu malam.
- **[Dimatikan]** – Menikmati bunyi surround dengan julat dinamiknya yang lengkap.

Catatan

- Berkenaan hanya bagi cakera dikodkan dengan Dolby Digital.

Persediaan video

Tetapan Video

Sistem TV

Paparan TV

Seting gambar

Progresif

- 1 Tekan **SETUP**.
↳ **[Tetapan Umum]** dipaparkan.
- 2 Tekan untuk memilih **[Tetapan Video]**, kemudian tekan .
- 3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.
 - Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **BACK**.
 - Untuk keluar daripada menu, tekan **SETUP**.

Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Sistem TV]

Tukar tetapan ini hanya jika video tidak muncul dengan betul. Secara lalai, tetapan ini sepadan dengan tetapan yang paling biasa bagi TV di negara anda.

- **[PAL]** – bagi TV sistem PAL.
- **[NTSC]** – bagi TV sistem NTSC.
- **[Multi]** - bagi TV yang serasi dengan kedua-dua PAL dan NTSC.

[Paparan TV]

Memilih salah satu daripada format paparan berikut:



4:3 Pan Scan (PS)



4:3 Peti Surat (LB)



16:9 (Skrin Lebar)

- **[4:3 Pan Scan]** – Untuk skrin TV 4:3: paparan ketinggian penuh dengan tepi yang dipotong.
- **[4:3 Peti Surat]** – Untuk skrin TV 4:3: paparan skrin lebar dengan bar hitam di bahagian atas dan bawah skrin.
- **[16:9 Skrin Lebar]** – Untuk TV skrin lebar: nisbah paparan 16:9.

[Setting gambar]

Memilih set tetapan warna gambar yang telah dipraturutkan atau sesuaikan tetapan peribadi.

- **[Piaawai]** – Tetapan warna asal.
- **[Cerah]** – Tetapan warna terang.
- **[Lembut]** – Tetapan warna panas.
- **[Peribadi]** – Menyesuaikan tetapan warna. Tetapkan tahap kecerahan, kontras, kejelasan/seri warna dan penepuan warna, kemudian tekan **OK**.

[Progresif]

Jika TV menyokong output imbas progresif, anda boleh menghidupkan mod imbas progresif untuk meningkatkan kualiti gambar. Sambungan video melalui Video Komponen diperlukan.

- **[Dihidupkan]** – Menghidupkan mod imbas progresif.
- **[Dimatikan]** – Menyahdayakan mod imbas progresif.



Petua

- Terdapat huraihan lebih terperinci tersedia (lihat 'Bermula' > 'Hidupkan Imbas Progresif').

Keutamaaan

Catatan

- Hentikan mainan cakera sebelum anda boleh mengakses **[Keutamaan]**.

Keutamaaan

Audio

Sari Kata

Menu Cakera

Ibubapa

PBC

Paparan MP3/JPEG

Kata Laluan

Sarikata DivX

1 Tekan **SETUP**.

↳ **[Tetapan Umum]** dipaparkan.

2 Tekan untuk memilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan .

3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.

4 Pilih tetapan, kemudian tekan **OK**.

- Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **BACK**.
- Untuk keluar daripada menu, tekan **SETUP**.

Catatan

- Lihat penjelasan mengenai pilihan di atas pada halaman berikut.

[Audio]

Memilih bahasa audio lajai untuk mainan cakera.

[Sari Kata]

Memilih bahasa sarikata lajai untuk mainan cakera.

[Menu Cakera]

Memilih bahasa untuk menu cakera.

Catatan

- Jika bahasa yang telah anda tetapkan tidak tersedia pada cakera, cakera menggunakan bahasa lalainya sendiri.
- Untuk sesetengah cakera, bahasa sarikata/audio hanya boleh ditukar daripada menu cakera.
- Untuk memilih bahasa yang tidak disenaraikan di dalam menu, pilih [**Lain**]. Kemudian semak senarai Kod Bahasa di belakang manual pengguna ini dan masukkan kod bahasa 4-digitnya masing-masing.

[Ibubapa]

Hadkan akses kepada cakera yang tidak sesuai untuk anak-anak anda. Cakera jenis ini mesti dirakam bersama pengadaran.

- 1) Tekan **OK**.
- 2) Pilih tahap pengadaran, kemudian tekan **OK**.

Tekan **Butang angka** untuk memasukkan kata laluan.

Catatan

- Cakera yang nilai pengadarannya melebihi tahap yang anda tetapkan dalam [**Ibubapa**] memerlukan kata laluan untuk dimainkan.
- Pengadaran adalah bergantung kepada negara. Untuk membolehkan semua cakera dimainkan, pilih '8'.
- Sesetengah cakera mempunyai kadar yang tercetak padanya tetapi tidak dirakam bersama kadar. Fungsi ini tidak memberi kesan pada cakera sedemikian.

Petua

- Anda boleh menetapkan atau menukar kata laluan (lihat 'Keutamaan' > [**Kata Laluan**]).

[PBC]

Memati atau menghidupkan menu kandungan VCD/SVCD dengan ciri PBC (kawalan main balik).

- [**Dihidupkan**] - Memaparkan menu indeks apabila anda memuatkan cakera untuk dimainkan.
- [**Dimatikan**] - Melangkau menu dan memulakan mainan daripada tajuk pertama.

[Paparan MP3/JPEG]

Memilih untuk memaparkan folder atau memaparkan semua fail.

- [**Lihat Folder**] - Memaparkan folder fail MP3/WMA.
- [**Lihat Fail**] - Memaparkan semua fail.

[Kata Laluan]

Menetapkan atau menukar kata laluan untuk cakera yang terkunci dan memainkan DVD yang disekat.

Tukar Kata Laluan

Kata Laluan Lama	<input type="text"/>
Kata Laluan Baru	<input type="text"/>
Sahkan Kata Laluan	<input type="text"/>
OK	

- 1) Tekan **Butang angka** untuk memasukkan '136900' atau kata laluan terakhir ditetapkan dalam medan [**Kata Laluan Lama**].
 - 2) Masukkan kata laluan baru dalam medan [**Kata Laluan Baru**].
 - 3) Masukkan kata laluan baru sekali lagi dalam medan [**Sahkan Kata Laluan**].
- Tekan **OK** untuk keluar daripada menu.

Catatan

- Jika anda terlupa kata laluan, masukkan '136900' sebelum anda menetapkan kata laluan baru.

[Sarikata DivX]

Pilih set aksara yang menyokong sarikata DivX.

[Standard]	Bahasa Inggeris, Ireland, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Jerman, Itali, Portugal, Luxembourg, Norway (Bokmål and Nynorsk), Sepanyol, Sweden, Turki
[Eropah Tengah]	Bahasa Poland, Czech, Slovak, Albania, Hungari, Slovania, Croat, Serbia (skrip Latin), Romania
[Cyril]	Bahasa Belarusia, Bulgaria, Ukrainia, Macedonia, Russia, Serbia
[Greek]	Greek
[Hebrew]	Hebrew
[Cina(Ringkas)]	Cina Mudah
[Korea]	Bahasa Korea



Catatan

- Pastikan fail sarikata mempunyai nama fail yang sama seperti fail filem. Jika, contohnya, nama fail filem ialah 'Movie.avi', maka anda perlu menamakan fail teks sebagai 'Movie.sub' atau 'Movie.srt'.

[Maklumat versi]

Memaparkan versi perisian bagi Home Theater System ini.



Petua

- Maklumat ini diperlukan apabila anda hendak tahu sama ada versi perisian yang terbaru tersedia di tapak web Philips yang anda boleh muat turun dan pasang pada Home Theater System ini.

[Sedia Ada]

Menetapkan semula tetapan Home Theater System ini pada tetapan lalai kilang, kecuali tetapan [Kunci Cakera], [Kata Laluan] dan [Ibubapa].

8 Maklumat Tambahan

Kemas kinikan perisian

Untuk memeriksa kemas kinian baru, bandingkan versi perisian semasa Home Theater System anda dengan versi perisian yang terkini (jika tersedia) di tapak web Philips.

Keutamaan	
Menu Cakera	▲
Ibubapa	
PBC	
Paparan MP3/JPEG	
Kata Laluan	
Sarikata DivX	
Maklumat versi	
Sedia Ada	

- 1 Tekan **SETUP**.
- 2 Pilih **[Keutamaan] > [Maklumat versi]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tulis nombor versi, kemudian tekan **SETUP** untuk keluar daripada menu.
- 4 Pergi ke www.philips.com/support untuk memeriksa versi perisian terkini yang tersedia untuk Home Theater System ini.
- 5 Jika versi perisian terkini lebih tinggi daripada versi perisian Home Theater System ini, muat turunnya dan simpan pada CD-R atau pemacu denyar USB.
- 6 Masukkan CD-R atau pemacu denyar USB pada Home Theater System ini.

7 Tekan **DISC** atau **USB**, kemudian ikut arahan pada TV untuk mengesahkan operasi kemas kinian.

► Sebaik sahaja kemas kinian perisian selesai, Home Theater System ini dimatikan kepada siap sedia secara automatik.



Catatan

- Jangan keluarkan CD-R atau USB semasa kemas kinian perisian sedang dijalankan.

8 Putuskan sambungan kord kuasa selama beberapa saat dan sambungkannya semula untuk but semula sistem.

Penjagaan



Awas

- Jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair, pembersih komersil atau semburan anti statik yang dimaksudkan untuk cakera.

Bersihkan cakera

Lap cakera dengan kain pembersih mikrogentian dari tengah ke tepi, menggunakan pergerakan lurus.

Bersihkan skrin unit utama

Lap permukaan skrin dengan kain pembersih mikrogentian.

9 Spesifikasi

Catatan

- Spesifikasi dan reka bentuk tertakluk kepada perubahan tanpa notis

(MP3 LINK hanya berkenaan dengan model HTS3172)

(DTS hanya berkenaan dengan model HTS3172)

Media main balik

- DVD-Video, DVD+R/+RW, DVD-R/-RW, DVD+R DL, CD-R/CD-RW, CD Audio, CD/SVCD Video, CD Gambar, MP3-CD, WMA-CD, DivX-CD, pemacu denyar USB

Amplifier

- Jumlah kuasa output:
 - Mod Teater Rumah: 200 W
- Respons frekuensi: 63 Hz~14 kHz / ±3dB
- Nisbah isyarat-hingar: > -60 dB (A-diberatkan)
- Sensitiviti input:
 - AUX1: 500 mV
 - AUX2: 500 mV
 - MP3 LINK: 500 mV

Cakera

- Jenis Laser: Semikonduktor
- Garis pusat cakera: 12cm / 8cm
- Penyahkodan video: MPEG1/ MPEG2 / DivX / DivX Ultra
- Video DAC: 12 bit, 108 MHz
- Sistem isyarat: PAL / NTSC
- Video S/N: 56 dB
- Audio DAC: 24 bit / 96 kHz
- Respons frekuensi:
 - 4 Hz - 20 kHz (44.1 kHz)
 - 4 Hz - 22 kHz (48 kHz)
 - 4 Hz - 44 kHz (96 kHz)
- PCM: IEC 60958

- Dolby Digital: IEC 60958, IEC 61937
- DTS: IEC 60958, IEC 61937

Radio

- Julat talaan: FM 87.5-108 MHz (50 kHz)
- Sensitiviti senyapan 26 dB: FM 22 dBf
- Nisbah penolakan IF: FM 50 dB
- Nisbah isyarat-hingar: FM 30 dB
- Herotan harmonik: FM 3%
- Respons frekuensi: FM 180 Hz~10 kHz / ±3dB
- Pemisahan stereo: FM 26 dB (1 kHz)
- Ambang Stereo: FM 23.5 dB

USB

- Keserasian: USB
- Sokongan kelas: UMS (Kelas Penyimpanan Massa USB)
- Sistem fail: FAT12, FAT16, FAT32

Unit Utama

- Bekalan kuasa:
 - Untuk negara China: 220~230V; ~50 Hz
 - Untuk Asia Pasifik: 110~240V; ~50-60Hz
- Penggunaan Kuasa: 50 W
- Penggunaan kuasa siap sedia: < 1 W
- Dimensi (LxTxD): 360 x 48 x 332 (mm)
- Berat: 2.64 kg

Pembesar suara

- Sistem: satelit julat penuh
- Impedans pembesar suara: 8 ohm (tengah), 4 ohm (Hadapan/Belakang)
- Pemacu pembesar suara: 3" julat penuh
- Respons frekuensi: 150 Hz – 20 kHz
- Dimensi (LxTxD):
 - Tengah
 - HTS3172: 266.6 x 102.3 x 78 (mm)
 - HTS3021: 100 x 100 x 75 (mm)
 - Hadapan
 - HTS3172: 100 x 284.5 x 78 (mm)
 - HTS3021: 100 x 100 x 75 (mm)
 - Belakang: 100 x 100 x 75 (mm)

- Berat:
 - HTS3172
 - Tengah: 0.68 kg
 - Hadapan: 0.66 kg/satu
 - Belakang: 0.38 kg/satu
 - HTS3021
 - Tengah: 0.38 kg
 - Hadapan/Belakang: 0.38 kg/satu

Subwuerfer

- Impedans: 8 ohm
- Pemacu pembesar suara: 165 mm (6.5'') wuerfer
- Respons frekuensi: 40 Hz ~ 150 Hz
- Dimensi (LxTxD):
 - HTS3172: 162.5 x 362.5 x 369 (mm)
 - HTS3021: 122.6 x 309.5 x 369 (mm)
- Berat:
 - HTS3172: 4.53 Kg
 - HTS3021: 3.54 Kg

Spesifikasi laser

- Jenis: Semikondutor laser GaAlAs (CD)
- Panjang gelombang: 645 - 665 nm (DVD), 770 - 800 nm (CD)
- Kuasa output: 6 mW (DVD), 7 mW (VCD/CD)
- Kecapahan alur: 60 darjah.

10 Menyelesaikan masalah



Amaran

- Risiko kejutan elektrik. Jangan keluarkan sarung Home Theater System ini.

Supaya jaminan tetap sah, jangan cuba baiki sistem ini sendiri.

Jika anda menghadapi masalah semasa menggunakan Home Theater System ini, periksa perkara-perkara berikut sebelum meminta bantuan perkhidmatan. Jika masalah tetap tidak dapat diselesaikan, daftarkan Home Theater System anda dan dapatkan sokongan di www.philips.com/welcome.

Jika anda menghubungi Philips, anda akan diminta untuk memberikan model dan nombor siri Home Theater System anda. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang atau bawah Home Theater System anda. Tulis nombor tersebut di sini:

No. Model _____

No. Siri _____

Unit utama

Butang pada Home Theater System ini tidak berfungsi.

- Putuskan sambungan Home Theater System ini daripada alur keluar kuasa selama beberapa minit, kemudian sambung semula.

Gambar

Tiada gambar.

- Lihat manual TV untuk pemilihan saluran input video yang betul. Tukar saluran TV hingga anda melihat skrin DVD.
- Tekan **DISC**.
- Jika anda telah menukar tetapan [**Paparan TV**], beralih kembali ke mod lalai: 1) Tekan **▲** untuk membuka petak cakera. 2) Tekan **◀**. 3) Tekan **SUBTITLE**.

Bunyi

Tiada bunyi.

- Pastikan kabel audio disambungkan dan tekan sumber input yang betul (contohnya, **AUDIO SOURCE, USB**) untuk memilih peranti yang anda hendak mainkan.
- Jika Home Theater System ini tidak menyokong bunyi surround DTS, pastikan sumber mainan bukan daripada strim audio DTS.

Tiada bunyi daripada program TV.

- Sambungkan kabel audio daripada input **AUDIO** pada Home Theater System ini ke output **AUDIO** pada TV anda. Kemudian tekan **AUDIO SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber input audio yang sepadan.

Tiada kesan bunyi surround daripada pembesar suara.

- Tekan **SURR** untuk memilih tetapan bunyi surround yang betul.
- Jika Home Theater System menyokong main balik DTS, tekan **AUDIO SYNC** untuk memilih trek audio lain.
- Pastikan sumber yang anda mainkan dirakam atau disiarkan dalam bunyi surround (Dolby Digital, dll).

Main

Fail video DivX tidak boleh dimainkan.

- Pastikan bahawa fail DivX dikodkan menurut 'Profil Teater Rumah' dengan pengekod DivX.
- Pastikan fail video DivX lengkap.

Nisbah aspek skrin tidak sejajar dengan tetapan paparan TV.

- Nisbah aspek telah ditetapkan pada cakera.

Sarikata DivX tidak dipaparkan dengan betul.

- Pastikan nama fail sarikata sama dengan nama fail filem.
- Pilih set aksara yang betul: 1) Tekan **SETUP**. 2) Pilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan **►**. 3) Pilih **[Sarikata DivX]**, kemudian tekan **OK**. 4) Pilih set aksara yang menyokong sarikata.

Kandungan pemacu denyar USB tidak boleh dibaca.

- Format pemacu denyar USB tidak serasi dengan unit ini.
- Pemacu diformatkan dengan sistem fail yang berlainan yang tidak disokong oleh unit ini (cth. NTFS).
- Saiz maksimum memori yang disokong ialah 160GB.

11 Glossary

D

DivX®

Codec DivX® adalah teknologi mampat video berdasarkan MPEG-4 yang sedang menunggu paten dan dibangunkan oleh DivX®, Inc. Ia boleh menyusutkan saiz fail video digital dan tetap mengekalkan kualiti visual yang tinggi.

Dolby Digital Pro Logic II

Teknologi penyahkodan matriks lanjutan yang mengembangkan sebarang audio dua saluran, seperti CD dan kaset video yang dikodkan dengan stereo, permainan video dan siaran TV ke main balik lima saluran lebah jalur penuh (julat) (Kiri/Tengah/Kanan/Keliling Kiri/Keliling Kanan), yang menghasilkan pengalaman bunyi keliling.

DTS

Digital Theatre Systems. Sistem bunyi keliling untuk menyediakan 5.1 saluran audio digital berasalingan dalam produk elektronik pelanggan dan kandungan perisian. Ia tidak dibangunkan oleh Dolby Digital.

I

Imbas progresif

Imbas progresif memaparkan dua kali bilangan bingkai setiap saat daripada dalam sistem TV biasa. Ia menawarkan resolusi dan kualiti gambar yang lebih tinggi.

J

JPEG

Format gambar pegun digital yang sangat lazim. Sistem pemampatan data gambar pegun yang dicadangkan oleh Joint Photographic Expert Group, yang mencirikan pengurang kecil dalam kualiti imej berbanding dengan nisbah pemampatannya yang tinggi. Fail dikenali mengikut sambungan failnya '.jpg' atau '.jpeg'.

M

MP3

Format fail dengan sistem mampat data bunyi. MP3 adalah singkatan bagi Motion Picture Experts Group 1 (atau MPEG-1) Audio Layer 3. Dengan menggunakan format MP3, satu CD-R atau CD-RW boleh mengandungi kira-kira 10 kali data berbanding CD biasa.

MPEG

Motion Picture Experts Group. Satu koleksi sistem pemampatan untuk audio dan video digital.

N

Nisbah aspek

Nisbah aspek merujuk kepada nisbah panjang ke tinggi skrin TV. Nisbah TV yang standard ialah 4:3, manakala nisbah TV definisi tinggi atau lebar ialah 16:9. Peti surat membolehkan anda menikmati gambar dengan perspektif yang lebih luas pada skrin standard 4:3.

P

PBC

Kawalan Main Balik. Sistem di mana anda boleh menavigasi melalui CD Video/Super VCD dengan menu pada skrin yang dirakamkan pada cakera. Anda boleh menikmati main semula yang interaktif serta membuat carian.

PCM

Modulasi Kod Denyut. Sistem pengekodan audio digital.

W

WMA

Windows Media™ Audio. Merujuk kepada teknologi mampat audio yang telah dibangunkan oleh Microsoft Corporation. Data WMA boleh dikodkan dengan menggunakan pemain Windows Media versi 9 atau pemain Windows Media untuk Windows XP. Fail dikenali oleh tambahan fail '.wma.' nya.

Language Code

Abkhazian	6566	Inupiaq	7375	Pushto	8083
Afar	6565	Irish	7165	Russian	8285
Afrikaans	6570	Íslenska	7383	Quechua	8185
Amharic	6577	Italiano	7384	Raeto-Romance	8277
Arabic	6582	Ívrit	7269	Romanian	8279
Armenian	7289	Japanese	7465	Rundi	8278
Assamese	6583	Javanese	7486	Samoan	8377
Avestan	6569	Kalaallisut	7576	Sango	8371
Aymara	6589	Kannada	7578	Sanskrit	8365
Azerbaijani	6590	Kashmiri	7583	Sardinian	8367
Bahasa Melayu	7783	Kazakh	7575	Serbian	8382
Bashkir	6665	Kernewek	7587	Shona	8378
Belarusian	6669	Khmer	7577	Shqip	8381
Bengali	6678	Kinyarwanda	8287	Sindhi	8368
Bihari	6672	Kirghiz	7589	Sinhalese	8373
Bislama	6673	Komi	7586	Slovensky	8373
Bokmål, Norwegian	7866	Korean	7579	Slovenian	8376
Bosanski	6683	Kuanyama; Kwanyama	7574	Somali	8379
Brezhoneg	6682	Kurdish	7585	Sotho; Southern	8384
Bulgarian	6671	Lao	7679	South Ndebele	7882
Burmese	7789	Latina	7665	Sundanese	8385
Castellano, Español	6983	Latvian	7686	Suomi	7073
Catalán	6765	Letzeburgesch;	7666	Swahili	8387
Chamorro	6772	Limburgan; Limburger	7673	Swati	8383
Chechen	6769	Lingala	7678	Svenska	8386
Chewa; Chichewa; Nyanja	7889	Lithuanian	7684	Tagalog	8476
中文	9072	Luxembourgish;	7666	Tahitian	8489
Chuang; Zhuang	9065	Macedonian	7775	Tajik	8471
Church Slavic; Slavonic	6785	Malagasy	7771	Tamil	8465
Chuvash	6786	Magyar	7285	Tatar	8484
Corsican	6779	Malayalam	7776	Telugu	8469
česky	6783	Maltese	7784	Thai	8472
Dansk	6865	Manx	7186	Tibetan	6679
Deutsch	6869	Maori	7773	Tigrinya	8473
Dzongkha	6890	Marathi	7782	Tonga (Tonga Islands)	8479
English	6978	Marshallese	7772	Tsonga	8483
Esperanto	6979	Moldavian	7779	Tswana	8478
Estonian	6984	Mongolian	7778	Türkçe	8482
Euskara	6985	Nauru	7865	Turkmen	8475
	6976	Navaho; Navajo	7886	Twi	8487
Faroese	7079	Ndebele, North	7868	Uighur	8571
Français	7082	Ndebele, South	7882	Ukrainian	8575
Frysk	7089	Ndonga	7871	Urdu	8582
Fijian	7074	Nederlands	7876	Uzbek	8590
Gaelic; Scottish Gaelic	7168	Nepali	7869	Vietnamese	8673
Gallegan	7176	Norsk	7879	Volapuk	8679
Georgian	7565	Northern Sami	8369	Walloon	8765
Gikuyu; Kikuyu	7573	North Ndebele	7868	Welsh	6789
Guarani	7178	Norwegian Nynorsk;	7878	Wolof	8779
Gujarati	7185	Occitan; Provencal	7967	Xhosa	8872
Hausa	7265	Old Bulgarian; Old Slavonic	6785	Yiddish	8973
Herero	7290	Oriya	7982	Yoruba	8979
Hindi	7273	Oromo	7977	Zulu	9085
Hiri Motu	7279	Ossetian; Ossetic	7983		
Hrvatski	6779	Pali	8073		
Ido	7379	Punjabi	8065		
Interlingua (International)	7365	Persian	7065		
Interlingue	7365	Polski	8076		
Inuktitut	7385	Português	8084		



[

]

© 2009 Koninklijke Philips Electronics N.V.

All rights reserved.

sgpjip_0903/98_v1

